



PERLINDUNGAN UNTUK KECANTIKAN WAJAH

Cara paling mudah untuk mengesan warna kulit wajah asas ialah dengan mencuba krim asas atas tangan sebelah dalam. Tekstur kulit serta warna kulit di bahagian tangan ini seakan-akan warna asas di wajah, jadi ujian boleh dilakukan di bahagian ini. Lancome memperkenalkan krim asasnya dengan SPF 15 dengan formula terkini. Oles sedikit krim asas pada bahagian tangan anda, titip beberapa titik pada dahi menggunakan jari (jangan sapu) untuk memberi rangsangan pada peredaran mikro kulit wajah. Hasilnya, kulit anda kelihatan *photogenic*. Penggunaan krim asas yang lebih gelap dari kulit asal sebenarnya memberikan kesan yang lebih baik pada wajah. Kandungan SPF dan pelembap yang ada dalam krim asas kini boleh membantu melindungi kulit, selain memberi kesan warna kulit yang lebih berseri dan mulus.



MELAMBATKAN PROSES PENUAAN

Kulit wajah seseorang mampu menceritakan segala-galanya - umur, cara hidup dan kesempurnaan dalaman seseorang. Pun begitu, semakin usia meningkat, kulit mengalami proses penuaan semula jadi secara beransur-ansur. Banyak pengaruh yang mempercepatkan proses penuaan termasuklah pancaran matahari, cuaca, pencemaran, merokok dan pengambilan alkohol. Biotherm memperkenalkan serum baru Line Peel bagi memastikan kulit wajah tidak tua sebelum usia. Ia juga mampu mengembalikan rasa lembut dan nyaman setiap kali selepas pemakaian. Mudah dibawa ke mana sahaja, ia mampu membuatkan seseorang tampil berkeyakinan.

LICIN BERSERI DENGAN SIRI RAWATAN KOREA

Pelindung Noblesse Oblige B.B mempunyai rumusan Air dalam Minyak yang melindungi dan menutupi kecacatan, parut jerawat, bulatan gelap, bintik-bintik hitam dan warna yang tidak sekata. Formula warna asal dan tekstur berkrim, menawarkan perlindungan lengkap yang tidak tertanggal, beralih ataupun cair. Kandungan kapsul Mikro Aloe membantu mengurangkan penghidratan kulit membuatkan anda kelihatan berseri sepanjang hari. Pelbagai vitamin dan nutrien sayuran yang terkandung dalam Noblesse Oblige BB Pact, mengekalkan kulit agar bersih dan berseri sepanjang hari. Tahap kawalan hidratnya juga tinggi hasil kandungan sari halus yang meresap luas, melekat dan mampu menyerap sebum berlebihan.



Secantik bidadari...

LIRIKAN MATAMU MAMPU MEMBUATKAN LELAKI YANG MEMANDANG CAIR SEKETIKA. APATAH LAGI DENGAN HADIRNYA PAKEJ LENGKAP DALAM HIDUPMU. WAJAH BAK BIDADARI MEMBUATKAN YANG MEMANDANGMU TERPESONA. RAWATI WAJAHMU DENGAN PRODUK YANG DIYAKINI..... WARNAINYA DENGAN DUNIA KECANTIKAN..



KRIM NOBLESSE OBLIGE-KECANTIKAN SEMULA JADI WANITA KOREA

Noblesse Oblige Sun B.B Cream adalah krim pelbagai fungsi dalam satu tiub yang anda perlukan untuk solekan dan penjagaan kulit. Fungsi Sun B.B Cream ini adalah sebagai pelembap, asas mekap, bedak asas dan penghalang matahari. Terkandung di dalamnya bahan meremajakan kulit yang menggiatkan kulit agar tampak lebih licin dan bercahaya. Krim Sun B.B ini juga berkesan menutupi kecacatan kulit, melindunginya dari cahaya ultra lembayung yang memudaratkan selain melembapkan kulit. Dengan Noblesse Oblige Sun B.B Cream, anda hanya perlu menyapu sekali saja untuk kelihatan cantik.